

## **Elemen-Elemen Sosiobudaya dalam Kalangan Masyarakat Boyan di Semenyih, Selangor**

### *Sociocultural Elements of Boyan's Community in Semenyih, Selangor*

Norshahera Zulkifli  
<sup>1</sup>Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff

Program Persuratan Melayu  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mel: <sup>1</sup>yuszaidi@ukm.edu.my

### **ABSTRAK**

*Kajian ini mengenai elemen-elemen sosiobudaya dalam kalangan masyarakat Boyan di Semenyih, Selangor. Masyarakat Boyan yang menetap di sini merupakan generasi kedua selepas ibubapa mereka migrasi atas faktor mencari kehidupan baharu. Generasi kedua masyarakat Boyan telah mengalami pertembungan budaya masyarakat tempatan. Namun, masyarakat Boyan masih dapat mengekalkan sosiobudaya. Pemasalahan kajian ini mengenai bagaimana masyarakat Boyan dapat mengekalkan sosiobudaya yang mereka mewarisi. Objektif kajian ini adalah menjelaskan elemen-elemen sosiobudaya dalam kalangan masyarakat Boyan di Semenyih, Selangor. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan ini amat sesuai dengan reka bentuk kajian yang bersifat etnografi. Pendekatan kualitatif menggunakan dua kaedah iaitu kajian lapangan dan kajian keperpustakaan. Kajian lapangan menggunakan beberapa teknik pemerhatian, pemerhatian ikut serta dan temu bual. Kajian keperpustakaan pula menyokong dengan data bersifat sekunder. Kajian lapangan dijalankan di Taman Harmoni, Bandar Teknologi Kajang, Semenyih, Selangor. Temu bual dijalankan terhadap 5 informan dalam kalangan masyarakat Boyan secara temu bual separa struktur. Data kajian ini di saring dengan menggunakan teknik tematik untuk memperolehi data yang benar dan sesuai. Hasil dapatan kajian ini menyatakan tentang elemen-elemen sosiobudaya yang diamalkan oleh masyarakat Boyan di kawasan lapangan. Hasil kajian memperlihatkan masyarakat Boyan di Semenyih, Selangor masih mengekalkan sosiobudaya yang dibawa dari kampung halaman. Justeru itu, sumbangan kajian ini menerapkan keperluan masyarakat untuk mengekalkan sosiobudaya bagi etnik atau bangsa agar identiti dan budaya etnik tidak dilupakan dan dihapuskan oleh peredaran zaman moden.*

**Kata kunci:** budaya tempatan; masyarakat Boyan; migrasi; perubahan; sosiobudaya;

### **ABSTRACT**

*This study is about the sociocultural elements among the Boyan's community in Semenyih, Selangor. The Boyan's community who settled here is the second generation after their parents migrated due to the factor of finding a new life. The second generation of the Boyan's community has experienced a clash of local cultures. However, the Boyan's community is still able to maintain their socioculture. The problem of this study is about how the Boyan's community is able to maintain the socioculture they inherited. The objective of this study is to*

*explain the sociocultural elements among the Boyan's community in Semenyih, Selangor. The methodology of this study uses a qualitative approach. This approach is well suited to ethnographic study designs. The qualitative approach uses two methods namely field research and library research. The field study used several observational techniques, participatory observation and interviews. Library studies, on the other hand, are supported by secondary data. The field study was conducted at Taman Harmoni, Bandar Teknologi Kajang, Semenyih, Selangor. Interviews were conducted with 5 informants in the Boyan's community in a semi-structured interview. The data of this study were screened using thematic techniques to obtain true and appropriate data. The findings of this study state about the sociocultural elements practiced by the Boyan's community in the field area. The results of the study show that the Boyan's community in Semenyih, Selangor still maintains the socio-culture brought from their hometown. Thus, the contribution of this study applies the need of society to maintain the socioculture of ethnic or racial identity and ethnic culture is not abandoned and eliminated by the passage of modern times.*

**Keywords:** local culture; the Boyan community; migration; change; sociocultural;

## 1. Pengenalan

Budaya mencakupi aspek yang luas dalam kehidupan masyarakat. Budaya memperlihatkan keperluan masyarakat untuk mengatur hidupnya dari aspek pemikiran dan tingkah lakunya. Menurut Ismail Hamid (1998), setiap amalan yang dilakukan oleh sesuatu kelompok masyarakat merupakan budaya hidupnya. Budaya merangkumi seluruh aspek kehidupan seperti bahasa atau dialek percakapan harian, kepercayaan dan pantang larang, kepercayaan tahyul dan karut seperti hantu, perkahwinan dan *mana*, kepercayaan alam ghaib, adat istiadat kelahiran, peralihan fasa umur, perkahwinan dan kematian, sistem politik setempat, kesenian, kesusasteraan, adat istiadat raja atau pemerintah serta nila etika masyarakat (Shaliza binti Dasuki et al., 2015). Budaya dalam masyarakat membentuk sosiobudaya yang dipegang.

Sosiobudaya merupakan aspek gaya hidup yang menjadi amalan dan pegangan dalam sesebuah kelompok masyarakat. Sosiobudaya didefinisikan sebagai amalan gaya hidup dan peradaban bagi sesuatu masyarakat yang lahir dari pegangan dan kecenderungan diri masyarakat berkenaan untuk pembangunan sosial kehidupan masyarakat berkenaan (Rosfazila Abd Rahman, 2019). Berdasarkan takrifan ini, dapat dikatakan bahawa sosiobudaya meliputi aspek amalan yang mempengaruhi gaya hidup masyarakat. Pegangan terhadap sosiobudaya yang diwarisi menggalakkan perkembangan sosial dalam kalangan masyarakat. Sosiobudaya yang dipersembahkan kepada khalayak membentuk sebuah identiti kelompok masyarakat yang mengamalkannya.

Sosiobudaya diamalkan dan diwarisi dari satu generasi ke generasi kemudiannya. Sosiobudaya membawa pengertian luas yang meliputi seluruh aspek kehidupan manusia yang diamalkan secara berterusan dalam sesebuah kelompok masyarakat. Sosiobudaya dalam *Kamus Za'ba* (2001) membawa pengertian hubungan yang terjalin antara masyarakat dengan budaya seperti cara hidup, adat istiadat dan lain-lain (Siti Khariah Mohd Zubir, t.th). Menurut Mustafa Omar (2009), aspek sosiobudaya adalah berkenaan dengan adat resam dan ritual, pantang larang, makanan, hubungan sosial dan identiti dan simbol (Siti Aminah binti Mohd Sam dan Seow Ta Wee, 2013). Hal ini membawa pengertian bahawa sosiobudaya merupakan amalan yang mempengaruhi gaya hidup sesebuah kelompok masyarakat.

Masyarakat Boyan merupakan kelompok masyarakat yang berpegang erat terhadap kebudayaan asal yang dibawa. Media Bawean 2011 dalam Muhammad Ridhwan Sarifin dan

Mohamad Fauzi Sukimi (2018) menyatakan bahawa masyarakat Boyan berpegang kuat kepada pesanan orang tua supaya sentiasa mengekalkan budaya dan adat ke mana sahaja mereka pergi. Hal ini membawa pengertian bahawa masyarakat Boyan mempunyai ketegasan dan pendirian yang kuat terhadap budaya asal etnik mereka. Meskipun berada di luar kawasan etnik asal, hal ini tidak menghalang masyarakat Boyan untuk terus mengamalkan budaya mereka. Pegangan yang dibawa oleh masyarakat Boyan membawa signifikannya terhadap amalan sosiobudaya kelompok masyarakat tersebut.

Masyarakat Boyan dikatakan sebagai masyarakat perantau yang keluar daripada kampung halaman untuk mencari kehidupan yang lebih baik. Malaysia merupakan salah sebuah destinasi perantauan kerana Malaysia dilihat sebagai sebuah negara yang membangun dari segi pembangunan ekonomi, politik dan sosial. Hal ini termasuklah dengan kebudayaan masyarakat Malaysia yang tidak jauh berbeza dengan masyarakat Boyan. Masyarakat Melayu di Malaysia dilihat mengamalkan konsep sosiobudaya yang hampir serupa dengan masyarakat Boyan. Justeru itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat elemen-elemen sosiobudaya masyarakat Boyan. Elemen-elemen sosiobudaya masyarakat yang dikaji meliputi aspek adat resam dan tradisi, kepercayaan dan pantang larang dan keperluan hidup. Lokasi kajian ini ditumpukan kepada masyarakat Boyan di Semenyih, Selangor.

## 2. Sorotan Literatur

Kajian tentang budaya masyarakat Boyan yang terdapat di Malaysia kurang mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji budaya. Namun demikian, tidak dinafikan bahawa terdapat beberapa kajian tentang masyarakat Boyan yang telah dijalankan misalnya kajian oleh Muhammad Ihwanus Sholik et al. (2016) yang bertajuk Merantau sebagai Budaya (Eksplorasi Sistem Sosial Masyarakat Pulau Bawean). Hasil penelitian mendapati dua faktor utama yang mendorong masyarakat Bawean merantau iaitu faktor lingkungan dan faktor keadaan ekonomi masyarakat yang dilihat melalui kesan positif dan kesan negatif merantau serta sistem sosial budaya merantau yang terdapat pada masyarakat Bawean.

Terdapat juga kajian dari penyelidik Indonesia tentang Migrasi tenaga Kerja Mancaegara: Sebuah Kasus dengan Pendekatan Sosiologi Ekonomi pada tahun 2004 oleh Drajat Tri Kartono. Hasil penelitian memperlihatkan proses migrasi masyarakat Bawean ke Malaysia mengubah identiti Bawean kepada Boyan. Perubahan pranata sosial yang dialami oleh masyarakat Boyan seperti kemahiran tenaga kerja dan pembangunan ekonomi. Kehidupan ekonomi masyarakat dilihat sebahagian daripada kegiatan sosial yang dilalui. Kajian tentang masyarakat Boyan juga dibincangkan oleh Abdul Hafidz (2019) dalam kajiannya Migrasi dan Filantropi Islam (Studi Kontribusi Ekonomi *Orang Boyan* bagi Masyarakat dan Lembaga Keagamaan di Pulau Bawean, Gresik, Jawa Timur). Hasil kajian mendapati masyarakat migran Boyan di Malaysia bekerja dalam sektor tidak formal seperti pembinaan, domestik dan peniaga kecil, manakala di Singapura, migran Boyan kebanyakannya bekerja di sektor perkapalan. Pendatang Boyan di Malaysia dan Singapura menyumbang kepada institusi masyarakat dan agama di Bawean dalam bentuk penghantaran filantropi ke Bawean yang dapat digunakan untuk membangunkan infrastruktur awam. Taburan filantropi dari pendatang Boyan kesan terhadap pengurangan kemiskinan, peningkatan ekonomi, peningkatan kualiti pendidikan dan kelancaran aktiviti keagamaan di Bawean.

Terdapat juga kajian tentang budaya dan kebudayaan masyarakat Boyan. Kajian Nilai-Nilai Kerukunan dalam Kearifan Lokal Masyarakat Bawean Gresik oleh Rosidin pada

tahun 2015. Hasil kajian ini mendapati kearifan lokal masyarakat Bawean dikesan hampir di setiap desa seperti pengantin, pencak Bawean, perayaan Maulud Nabi, budaya merantau dan pelbagai jenis kesenian Islam. Setiap bentuk kearifan lokal mempunyai nilai kerukunan seperti sikap toleransi, saling menghormati, nilai kerjasama dan solidariti. Kajian oleh Shohana Hussin pada tahun 2017 bertajuk Ilmu dan Naratif Sakral dalam Masyarakat Bawean di Pulau Pinang. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mendokumentasikan naratif sakral dan meneliti ilmu sakral yang bersifat eksklusif dalam komuniti masyarakat Bawean agar boleh diangkat sebagai kearifan tempatan yang perlu dihargai. Dapatan kajian mendapati bahawa naratif sakral yang diperolehi adalah menarik dan segelintir masyarakat Bawean masih kuat beramal dan berpegang dengan ilmu bersifat sakral yang diwarisi secara turun-temurun.

### **3. Metodologi Kajian**

Kajian ini berorientasikan kepada sebuah kajian yang berbentuk kajian lapangan dan disokong oleh kajian kepustakaan bagi mengukuhkan kajian. Pendekatan kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk pendekatan kualitatif. Pendekatan ini amat sesuai dengan reka bentuk kajian yang bersifat etnografi. Pendekatan kualitatif menggunakan dua kaedah iaitu kajian lapangan dan kajian keperpustakaan. Kajian lapangan menggunakan beberapa teknik pemerhatian, pemerhatian ikut serta dan temu bual. Kajian lapangan ini dilakukan kawasan Taman Harmoni, Bandar Teknologi Kajang, Semenyih, Selangor. Informan yang dipilih dalam kajian ini adalah individu dari kelompok masyarakat Boyan yang telah menetap di Taman Harmoni, Bandar Teknologi Kajang, Semenyih, Selangor melebihi 10 tahun. Kajian keperpustakaan pula menyokong dengan data bersifat sekunder. Data kajian ini di saring dengan menggunakan teknik tematik untuk memperolehi data yang benar dan sesuai. Hasil kajian ini membawa penyelidik untuk mengenali elemen-elemen sosiobudaya masyarakat Boyan di kawasan lapangan. Kajian ini dapat membantu masyarakat untuk lebih peka dan bersifat terbuka terhadap kepelbagaian sosiobudaya yang terdapat di sesuatu kawasan dan secara tidak langsung dapat memupuk perpaduan dan keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat.

### **4. Dapatan Kajian**

Dapatan kajian ini memberi fokus kepada aspek elemen-elemen sosiobudaya dalam kalangan masyarakat Boyan di Semenyih, Selangor. Dapatan kajian diperolehi daripada hasil pemerhatian dan temubual yang dijalankan bersama informan ke atas 5 orang informan yang terdiri daripada masyarakat Boyan yang berumur 50 tahun hingga 70 tahun. Informan yang ditetapkan dalam kajian terdiri daripada mereka yang telah menetap di Semenyih, Selangor selama lebih daripada 10 tahun. Lokasi yang ditetapkan dalam kajian ini adalah di kawasan perumahan Taman Harmoni, Bandar Teknologi Kajang, Semenyih, Selangor.

#### **4.1 Elemen Sosiobudaya Masyarakat Boyan**

Kepelbagaian kaum di Malaysia membentuk kepelbagaian sosiobudaya dalam kalangan kelompok masyarakat yang berbilang bangsa dan etnik. Bangsa dan negara merupakan dua entiti atau konsep yang berlainan tetapi saling melengkapi dalam konteks kesatuan fitrah. Bangsa merupakan entiti atau kesatuan sosiobudaya, manakala negara adalah kesatuan

kawasan yang merujuk kepada geografi politik. Kedua-kedua elemen ini membawa pengertian yang berbeza tetapi membawa kesatuan yang mencorakkan kehebatan bangsa dan negaranya (Shamsudin Othman, Azhar Md Sabil & Ghazali Lateh, 2015). Hal ini membawa pengertian bahawa kekuatan bangsa mencerminkan pegangan budaya yang kuat terhadap negaranya.

Kelompok masyarakat yang bermigrasi ke kawasan baru sememangnya tidak dapat memisahkan atau meninggalkan identiti asal yang dibawa bersama. Keadaan ini sinonim dengan kehidupan secara berkelompok yang diwarisi dari dahulu membentuk satu ikatan yang kuat antara komuniti masyarakat Boyan. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Boyan merupakan kelompok etnik yang sukar bercampur dengan etnik lain meskipun etnik tersebut juga dalam kalangan warganegara yang sama yakni warganegara Indonesia (Muhammad Ridhwan Sarifin & Mohamad Fauzi Sukimi, 2016). Situasi ini jelas menggambarkan bahawa kelompok masyarakat Boyan mempunyai pendirian tetap dan keteguhan atau ketegasan terhadap identiti mereka walau di mana sahaja mereka berada.

Berdasarkan analisis sendiri melalui pemerhatian di kawasan lapangan yakni di Taman Harmoni, Bandar Teknologi Kajang, Semenyih, Selangor, budaya masyarakat Boyan dilihat hampir serupa dengan budaya masyarakat Melayu. Sebagaimana budaya yang diamalkan oleh masyarakat Melayu, sebagaimana itu juga budaya yang diamalkan oleh masyarakat Boyan. Hal ini dapat diperkukuhkan lagi apabila kebanyakan daripada informan menyatakan bahawa budaya masyarakat Boyan adalah sama dengan budaya masyarakat Melayu. Secara dasarnya, kemungkinan terdapat sedikit perbezaan dari segi pengamalan budaya yang lebih dititikberatkan oleh masyarakat Boyan berbanding masyarakat Melayu. Kenyataan ini diperkukuhkan dengan dapatan kajian yang diperolehi melalui hasil temubual.

## **4.2 *Adat resam dan tradisi***

Setiap suku dan bangsa dalam kalangan masyarakat yang terdapat di Malaysia mempunyai pegangan adat resam dan tradisi mereka yang tersendiri. Adat resam dan tradisi merupakan amalan yang menjadi pegangan hidup bagi sesuatu kelompok masyarakat. Menurut Hornby & Parnwell (1972), adat mencakupi bidang yang luas dan meliputi cara hidup dan budaya dalam kegiatan sosial, ekonomi, politik dan kepercayaan beragama. Wan Abdul Kadir (2000) pula menyatakan adat itu berupa peraturan sosial yang mengandungi kod etika dan moral yang berlandaskan nilai-nilai sosial (Noriati A. Rashid, 2005). Hal ini membawa pengertian bahawa adat dan tradisi berkait rapat dengan kebergantungan sosial bagi sesebuah masyarakat. Adat resam dan tradisi yang diperlihatkan oleh kelompok masyarakat Boyan mencerminkan sosial budaya masyarakat Boyan. Identiti masyarakat Boyan yang diserlahkan melalui pengamalan budaya membolehkan masyarakat untuk membezakan adat masyarakat Boyan dengan masyarakat lain yang berada di sekelilingnya.

### **4.2.1 *Adat Perkahwinan***

Berdasarkan konsep adat perkahwinan masyarakat Melayu, hal ini dilihat tidak jauh berbeza dengan adat perkahwinan masyarakat Boyan. Hasil penelitian sendiri sepanjang di kawasan lapangan yakni di Taman Harmoni, Bandar Teknologi Kajang, Semenyih, Selangor, penyelidik mendapati, terdapat pengalaman adat yang agak ketara dilihat dalam adat resam dan tradisi perkahwinan masyarakat Boyan seperti musyawarah sebelum mengadakan kenduri kahwin, berzanji dan zamrah. Masyarakat Boyan di kawasan lapangan didapati

bahawa sebelum mengadakan upacara atau majlis perkahwinan, kelompok masyarakat Boyan akan mengadakan musyawarah atau dari segi istilahnya disebut sebagai “kumpul orang”. Tujuan musyawarah ini dijalankan adalah untuk mengumpulkan saudara mara dan jiran tertangga yang akan terlibat dalam majlis perkahwinan tersebut. Musyawarah dijalankan untuk membincangkan perjalanan majlis perkahwinan, pembahagian tugas dan memberi sumbangan kepada pihak pengantin untuk menjalankan majlis. Semasa musyawarah juga, tradisi masyarakat Boyan yang dilihat adalah berkongsi rezeki bersama tuan rumah yang ingin menjalankan majlis perkahwinan. Sumbangan dihulurkan dalam pelbagai bentuk seperti wang ringgit, barangan keperluan asas dan hadiah. Hal ini dilakukan adalah untuk meringankan beban perbelanjaan tuan rumah yang ingin mengadakan majlis perkahwinan atau apa-apa sahaja kenduri yang diadakan.

Masyarakat Boyan juga dilihat masih mengamalkan yang dalam istilah Melayunya dipanggil sebagai merewang dari zaman dahulu lagi. Apabila sesuatu majlis hendak diadakan, maka orang ramai akan berkumpul dan bersama-sama membantu tuan rumah untuk menayakan majlis. Meskipun masyarakat Boyan kini sebahagiannya tidak lagi mengamalkan budaya rewangnya, tetapi tidak dinafikan masih terdapat segelintir masyarakat Boyan yang mengamalkannya seperti di Taman Harmoni. Budaya musyawarah, memperlihatkan dengan jelas bahawa masyarakat Boyan masih mengamalkan aktiviti merewang dalam budaya perkahwinan mereka. Keadaan ini dilihat dengan ketara, apabila majlis diadakan, individu-individu yang mengendalikan majlis terdiri daripada kalangan masyarakat Boyan yakni saudara mara dan ahli keluarga tidak kira yang jauh atau yang dekat. Oleh itu, musyawarah sebelum majlis perkahwinan dilihat sebagai salah satu budaya kebiasaan dalam kalangan masyarakat Boyan di sini.

Selain itu, adat perkahwinan masyarakat Boyan di kawasan kajian juga dapat dilihat ketika majlis perkahwinan berlansung. Nyanyian atau bunyian yang mengiringi majlis tersebut dipenuhi dengan alunan nasyid, zamrah, gelimpang dan berzanji. Masyarakat Boyan mempunyai kumpulan atau persatuan yang tersendiri. Jika terdapat tuan rumah yang ingin menjalankan majlis perkahwinan, maka mereka akan menghubungi persatuan-persatuan yang terlibat untuk menyediakan kumpulan tarian yang juga disebut sebagai kumpulan kompong untuk majlis perkahwinan tersebut. Persembahan tarian oleh kumpulan kompong diiringi dengan nasyid dan bunyian dari alat muzik yang dimainkan. Persembahan kompong dimainkan mengikut keadaan dan dijalankan tidak kira pada waktu siang atau malam. Kebiasannya persembahan ini diadakan selepas aktiviti berzanji dan marhaban. Menjadi budaya dan tradisinya masyarakat Boyan, apabila terdapat majlis perkahwinan maka acara kompong akan diadakan sebagai bentuk hiburan kepada tetamu yang datang.

#### 4.2.2 *Adat Kelahiran*

Adat kelahiran dalam kalangan masyarakat Boyan sarat dengan amalan dan tradisi yang diwarisi secara turun termurun. Sebagaimana masyarakat Melayu, masyarakat Boyan juga mempunyai adat kelahiran yang bermula daripada adat melenggang perut, adat semasa bersalin, adat bertahnik, adat bercukur dan aqiqah, adat menjijak tanah dan adat menaiki buai. Namun, bagi kelompok masyarakat Boyan di sini, adat kelahiran yang lebih diberikan tumpuan adalah adat bercukur. Adat bercukur merupakan proses yang penting selepas bayi dilahirkan.

Menurut Encik Abdullah Zahid (2021), adat bercukur jambul bagi masyarakat Boyan itu adalah sinonim dengan buah kelapa. Jika ada bayi yang baru dilahirkan dan ingin diadakan upacara cukur jambul selepas pantang, maka perkara pertama yang perlu diberi perhatian ialah kelapa. Hal ini dikatakan demikian kerana kelapa menjadi lambang kepada

kehidupan manusia. Manfaat yang boleh didapati daripada kelapa adalah bermula daripada akar sehingga isinya. Berkat kelapa itu didoakan supaya anak yang dilahirkan akan menjadi orang yang bermanfaat seperti banyaknya manfaat kelapa. Sebagaimana kehidupan manusia yang mempunyai banyak manfaat, disamakan juga dengan kelapa. Adat masyarakat Boyan itu setelah 40 hari bayi dilahirkan dan mengadakan cukur jambul, perlu disediakan kelapa muda, besi dan tanah untuk upacara menjijak tanah. Tegasnya, kelapa menjadi kepentingan dalam adat bercukur.

Adat bercukur selepas bayi dilahirkan merupakan salah satu budaya yang diamalkan oleh masyarakat Boyan di kawasan lapangan. Adat bercukur dijalankan selepas ibu bayi berkenaan tamat tempoh pantang selepas bersalin. Terdapat dikalangan masyarakat Boyan di sini yang mengamalkan pantang selepas bersalin selama 44 hari dan ada diantaranya turut mengamalkan pantang selama 100 hari. Aqiqah turut diadakan bagi keluarga yang berkemampuan. Jika terdapat keluarga yang tidak mampu, menjadi kewajipan bagi masyarakat Boyan untuk membantunya dari pelbagai segi seperti bantuan wang ringgit dan bekalan makanan agar adat bercukur dan aqiqah dapat dijalankan. Tambahnya, jika dahulu upacara bersalin disambut oleh bidan-bidan kampung, tetapi masyarakat Boyan di sini tidak lagi menyambut kelahiran bayi melalui bidan. Kemudahan yang dimiliki di sini seperti hospital, klinik dan doktor dimanfaatkan sepenuhnya agar ibu dan bayi yang dilahirkan itu selamat.

#### 4.2.3 *Adat Kematian*

Berdasarkan pemerhatian sendiri, menjadi kebiasaan adat kematian masyarakat Boyan, jika mendapat berita kematian, seluruh masyarakat yang mengenalinya akan turun ke rumah si mati untuk memberikan penghormatan terakhir. Dewan, rumah atau surau akan dipenuhi oleh ahli keluarga dan saudara mara tidak kira jauh mahupun dekat. Orang ramai yang memenuhi rumah keluarga si mati akan membawa buah tangan dalam pelbagai bentuk sumbangan kepada keluarga si mati. Tambahan pula, sekiranya si mati itu adalah lelaki dan meninggalkan isteri dan anak-anak yang masih kecil, masyarakat Boyan ini akan mengumpulkan sumbangan daripada orang ramai untuk diberikan kepada keluarga si mati. Hal ini bertujuan untuk meringankan beban keluarga si mati untuk membantunya meneruskan kehidupan berikutan baru sahaja kehilangan tulang belakang dalam keluarga.

Menurut Encik Abdullah Zahid (2021), selepas upacara pengebumian, bacaan tahlil akan diadakan selama tiga malam berturut-turut, kemudian pada hari ketujuh, hari ke seratus, satu tahun, dua tahun sehingga tiga. Penyelidik difahamkan bahawa adat kematian masyarakat Boyan mengadakan tahlil sehingga tiga tahun sahaja. Menjadi adat kematian masyarakat Boyan juga selepas berlakunya kematian, ahli keluarga perlu berkhatam Al-Quran. Seluruh ahli keluarga yang pandai membaca Al-Quran dikehendaki untuk mengkhatamkan Al-Quran dalam tempoh tujuh hari se bermula daripada hari meninggalnya si mati. Khatam Al-Quran ini masih lagi amalkan sehingga ke hari ini dan di bawa masuk di Taman Harmoni.

Jika diamati secara keseluruhannya, dapat dikatakan bahawa tidak menjadi kesalahan sekiranya ingin mengadakan bacaan tahlil dalam beberapa tahun kematiannya. Hal ini dilihat melalui kemampuan keluarga si mati untuk mengadakan kenduri tahlil tersebut dengan menjemput orang ramai dan bersedekah dengan memberi makan kepada yang datang. Berdasarkan hasil temubual, adat kematian yang dimiliki oleh masyarakat Boyan itu masih

perlu diikuti. Penyelidik mendapati bahawa masyarakat Boyan amat berpegang teguh dengan adat kematian yang dibawa dan diwarisinya. Hal ini dapat disokong dengan dapatan kajian dan hasil temubual bersama informan yang telah dijalankan. Masyarakat Boyan dilihat tidak melupakan adat kematian mereka meskipun banyak diantara adat tersebut tidak lagi diamalkan di sini.

### **4.3 Kepercayaan dan Pantang Larang**

Masyarakat Boyan kaya dengan kepercayaan dan pantang larang turun temurun yang mempengaruhi peraturan sosial dan budaya bagi kelompok masyarakat tersebut. Menurut Koentjaraningrat (1975), unsur-unsur dari kepercayaan lama adalah seperti pemujaan dan upacara bersaji kepada roh nenek moyang, pemeliharaan tempat keramat atau saukang, upacara ke sawah, upacara mendirikan dan merasmikan rumah dan sebagainya. Unsur-unsur kepercayaan tersebut dipercayai dijiwai oleh konsep-konsep dari ajaran Islam (L. Ahmad Busyairy, 2018). Masyarakat Boyan di Taman Harmoni secara kasarnya dilihat tidak bergantung kepada kepercayaan atau pantang larang etnik asal mereka. Kebanyakan daripadanya menjalani kehidupan seperti biasa dan tidak berpegang kepada kepercayaan atau pantang larang tersebut. Kehidupan mereka yang hanya hidup merantau memerlukan mereka untuk mengikut cara kehidupan masyarakat Melayu. Namun begitu, tidak kesemuanya ditinggalkan, masih terdapat juga kepercayaan dan pantang larang yang diamalkan di sini.

#### **4.3.1 Pantang Larang Pengantin**

Segelintir masyarakat Boyan di Taman Harmoni didapati masih mengamalkan pantang larang bagi pasangan pengantin, manakala segelintir lagi telah meninggalkan pantang larang tersebut. Menurut Puan Rap'aya (2021), kehidupan masyarakat Boyan di sini adalah serba serbi mudah. Jika pasangan pengantin keluar sahaja dari pintu rumah, mereka boleh terus menghala masuk ke kenderaannya. Jika dibandingkan pada zaman dahulu ketika di kampung, menjadi pantang larang kepada pengantin keluar malam kerana laluan jalannya yang gelap. Pantang larang tersebut berfungsi untuk mengingatkan pasangan pengantin supaya berhati-hati kerana makhluk halus seperti syaitan gemar akan darah manis. Jika nasib tidak mengizinkan, pengantin yang terlanggar kawasanya berkemungkinan akan disampuk oleh makhluk halus tersebut. Oleh kerana itu, masyarakat Boyan pada zaman dahulu melarang pengantin keluar dari rumah, kerana wangiannya dan kemanisan darahnya itu menarik minat benda-benda kotor yang tidak dapat dilihat. Bagi Puan Rap'aya sendiri, beliau tidak lagi mengamalkannya di sini.

Berdasarkan pemerhatian sendiri di Taman Harmoni, penyelidik melihat bahawa pasangan pengantin yang baru bernikah tidak dibenarkan keluar meninggalkan rumah selama tiga hari. Pengantin perempuan terutamanya tidak dibenarkan keluar pada waktu malam selepas maghrib kerana dikhuatiri akan ditimpa kejadian yang tidak diinginkan seperti disampuk makhluk halus. Namun demikian, penyelidik difahamkan bahawa terdapat juga kepercayaan yang melarang pasangan pengantin untuk keluar kawasan sebelum cukup tempoh 40 hari pernikahan. Mereka hanya dibenarkan untuk berada di kawasan berhampiran yang tidak jauh dari kawasan perumahannya. Menjelang waktu senja, pasangan pengantin tidak lagi dibenarkan untuk keluar dari rumah. Berdasarkan konteks ini, dapat dikatakan bahawa masyarakat Boyan melarang pasangan pengantin daripada sewenang-wenangnya bebas keluar dan masuk ke rumah. Pantang larang ini juga diadakan supaya pasangan pengantin menghormati ahli keluarga lain yang turut berada dalam satu rumah yang sama.



#### 4.3.2 *Pantang Larang Ibu Mengandung*

Berdasarkan temubual bersama Puan Rap'aya (2021), pantang larang masyarakat Boyan kepada ibu yang mengandung ialah tidak boleh menganiayai hidupan lain yang bernyawa atau tidak bernyawa. Jika ibu mengandung terlihat akan seekor kucing yang sedang berjalan, ibu mengandung tidak dibenarkan untuk memukulnya bahkan membuatkan kucing itu mati. Jika terlihat akan orang yang tidak betul atau tidak siuman, jangan diketawakan atau ditegur. Jika terlihat akan orang yang mengalami kekurangan fizikal atau cacat, jangan diketawakan. Elakkan membuka mulut atau terdetik di hati untuk mengata atau mencaci orang tersebut. Tindakan ini merupakan hal yang sangat dilarang oleh masyarakat Boyan. Sebaiknya, ibu mengandung bersimpati dengan nasib orang tersebut. Ibu mengandung dinasihatkan untuk mendoakan kesejahteraan anak di dalam kandungannya supaya sihat dan baik hendaknya. Dalam erti kata lain, bayi di dalam kandungannya berisiko terkena sumpahan melalui perkara yang telah ibunya lakukan sepanjang tempoh kehamilannya. Hal ini berikutan tindakan tidak baik ibunya itu dikhuatiri akan mempengaruhi atau menurun kepada anaknya.

Namun demikian, tidak dinafikan juga bahawa terdapat segelintir masyarakat Boyan di sini yang tidak lagi mengendahkan pantang larang tersebut. Hal ini kebiasaannya dilihat terdiri daripada kalangan generasi muda yang semakin hari dilihat semakin tidak percaya akan pantang larang masyarakat Boyan zaman dahulu. Menurut golongan muda, pantang larang tersebut dianggap sebagai kepercayaan karut yang tidak patut lagi diikuti pada zaman sekarang. Malahan, terdapat juga segelintir golongan dewasa yang didapati turut kurang percaya akan pantang larang daripada warisan zaman nenek moyang mereka sendiri. Hal ini menjelaskan bahawa masyarakat Boyan di Taman Harmoni hidup dalam keadaan bebas mengikut kepercayaan dan pegangan masing-masing.

#### 4.3.3 *Pantang Larang Kematian*

Setiap yang hidup di dunia ini pasti akan merasai mati. Apabila berlakunya kematian, seluruh ahli keluarga akan merasai kesedihan dan kehilangan yang tidak lagi dapat ditukar ganti. Masyarakat Boyan di Taman Harmoni dilihat mempunyai pantang larang kematiannya yang tersendiri. Berdasarkan pemerhatian sendiri, masyarakat Boyan di Taman Harmoni dilihat mempunyai kepercayaannya tersendiri sewaktu menziarahi kematian. Sewaktu tetamu ingin membacakan surah yaasin kepada jenazah, dinasihatkan supaya para tetamu tidak membacanya dengan berhimpun berdekatan dengan jenazah. Para tetamu diminta supaya membaca yaasin daripada jarak jauh kerana dikhuatiri jenazahnya akan panas dan tidak selesa. Para tetamu juga tidak dibenarkan untuk duduk dibahagian atas kepala jenazah kerana akan menghalang arah kiblat melalui kedudukan jenazah tersebut. Hal ini memperlihatkan dengan jelas bahawa wujudnya kepercayaan dan pantang larang kematian dalam kalangan masyarakat Boyan di Taman Harmoni.

Masyarakat Boyan juga mempunyai pantang larang sebelum jenazah dikafankan sepenuhnya. Masyarakat Boyan dikatakan tidak boleh mencium jenazah sekiranya dirinya tidak boleh menahan perasaan sebak dan sedih yang melampau. Hal ini dapat diperkukuhkan melalui petikan temubual bersama Puan Rap'aya (2021), bahawa masyarakat Boyan melarang tetamu yang hadir untuk mencium jenazah sekiranya tetamu masih bermain dengan air matanya. Jenazah yang telah bersih dimandikan, tidak mahu dikotorkan dengan air mata para tetamu. Hal ini dipercayai yakni dikhuatiri akan menambahkan kesedihan kepada jenazah dan jenazah akan berasa berat untuk meninggalkan ahli keluarga dan rumahnya. Oleh itu, masyarakat Boyan meletakkan pantang larang ini untuk menghormati jenazah dan masih diamalkan sehingga kini.

#### 4.4 *Keperluan Hidup*

Masyarakat Boyan dikatakan sebagai masyarakat perantau. Hal ini dikatakan demikian kerana merantau telah menjadi budaya kepada masyarakat Boyan. Masyarakat Boyan yang keluar merantau kebiasaannya akan lebih tertumpu di kawasan-kawasan bandar dan kota. Di Semenanjung Tanah Melayu, masyarakat Boyan didapati menduduki kawasan-kawasan bandar seperti di Melaka, Johor Bahru dan Kota Tinggi. Kebanyakan daripada mereka berkerja sebagai tukang kebun, pemandu atau sebagai pelatih dan penunggang kuda (Mohd. Aris Hj. Othman, 1986). Merantau menjadi salah satu keperluan dalam kehidupan masyarakat Boyan bagi tujuan-tujuan yang tertentu. Tujuan tersebut adalah seperti untuk mendapatkan peluang pekerjaan dan menampung tanggungan yang berada di kampung halaman.

##### 4.4.1 *Peluang Pekerjaan*

Masyarakat Boyan yang keluar merantau kebanyakannya adalah bermula daripada golongan muda mudi di kampung halaman. Keperluan mereka untuk keluar merantau adalah kerana kampung halaman mereka mengalami kekurangan peluang pekerjaan. Mereka terpaksa keluar merantau di kawasan-kawasan lain untuk mencari peluang pekerjaan dan menjamin peluang ekonomi yang lebih baik. Hasil pemerhatian di kawasan lapangan mendapati masyarakat Boyan di Taman Harmoni mempunyai kecenderungan bekerja dalam sektor pembinaan. Kebanyakan daripada mereka bekerja sebagai buruh kasar atau kontraktor mengikut agensi-agensi tertentu atau dijalankan secara persendirian. Individu yang terlibat dalam sektor pembinaan ini terdiri daripada kalangan lelaki yang telah berusia.

Terdapat juga diantara kalangan masyarakat Boyan di sini yang bekerja sebagai pembersih mengikut kontrak-kontrak tertentu di sesuatu kawasan. Mereka dilihat bekerja dalam kumpulan yang besar dan terdiri daripada etnik Boyan khususnya. Penyediaan pengangkutan pergi dan balik di disediakan oleh pihak pengurusan kontrak yang mengendalikan pekerjaan mereka. Kebiasaannya, mereka yang bekerja sebagai pembersih adalah dalam kalangan wanita. Bagi golongan muda pula, mereka tidak begitu terlibat dalam pekerjaan di sektor pembinaan atau pembersihan. Oleh kerana kebanyakan daripada mereka dilahirkan di Malaysia, kebanyakan mereka bekerja di pejabat swasta, industri perkilangan dan perniagaan. Terdapat juga golongan muda Boyan yang melanjutkan pelajarannya sehingga ke peringkat institusi pengajian tinggi dan mendapat pekerjaan yang lebih baik. Oleh hal yang demikian, pekerjaan yang dimiliki oleh masyarakat Boyan di sini sedikit sebanyak membantu mereka meningkatkan ekonomi dan mendapat kehidupan yang lebih baik.

##### 4.4.2 *Tanggungan*

Masyarakat Boyan merantau dari kampung halaman ke kawasan lain juga adalah kerana faktor tanggungan yang perlu ada dan dipertanggungjawabkan. Berdasarkan temubual yang dijalankan bersama Encik Abdullah Zahid (2021), beliau merantau dari kampung halaman ke Malaysia adalah bertujuan untuk membiayai kos-kos perbelanjaan dan pendidikan, memandangkan beliau mempunyai enam orang anak di kampung halamannya. Selepas kematian isterinya, beliau kehilangan pembantu tetapnya dalam urusan keluarga. Oleh kerana bilangan anaknya yang ramai dan masih bersekolah, beliau terpaksa keluar merantau untuk mencari pekerjaan bagi membiayai kos perbelanjaan persekolahan anaknya. Tanggungan yang dimiliki di kampung halamannya membuatkan beliau bertekad untuk merantau ke

Malaysia dan mencari pekerjaan. Sehingga kini, beliau masih lagi bekerja di Malaysia dan terus mengirimkan bantuan kepada anak-anaknya di kampung halaman.

Hasil pemerhatian di kawasan lapangan, penyelidik menemukan bahawa masyarakat Boyan mempunyai hubungan yang akrab dengan ahli keluarga di kampung halaman meskipun telah lama berhijrah ke Malaysia. Pada masa-masa yang tertentu, masyarakat Boyan akan mengirimkan bekalan keperluan hidup seperti makanan kering dan wang ringgit kepada ahli keluarga di kampung. Adakalanya juga, mereka akan pulang ke kampung halaman membawa keperluan yang diperlukan oleh ahli keluarga di sana. Tambahan pula, ada segelintir masyarakat Boyan yang mengirimkan wang dan menguruskan hal-hal kemasukan untuk membawa ahli keluarga ke Malaysia. Sehingga kini, masih terdapat lagi masyarakat Boyan yang merantau dan bermigrasi ke Malaysia untuk mencari pekerjaan. Masyarakat Boyan di sini bekerja keras untuk mencari rezeki dan membantu keluar di kampung halaman.

#### **4.5 Perbincangan**

Berdasarkan dapatan kajian, elemen-elemen sosiobudaya yang dibawa dalam kalangan masyarakat Boyan di Semenyih, Selangor adalah adat resam dan tradisi, kepercayaan dan pantang larang serta keperluan hidup. Adat resam dan tradisi merangkumi adat perkahwinan, adat kelahiran dan adat kematian. Kepercayaan dan pantang larang pula merangkumi aspek seperti pantang larang larang pengantin, pantang larang ibu mengandung dan pantang larang kematian. Aspek keperluan hidup pula merangkumi peluang pekerjaan dan tanggungan. Perbincangan kajian ini dilihat berdasarkan konsep pengekalan atau perubahan sosiobudaya dalam kalangan masyarakat Boyan di Semenyih, Selangor.

Pengekalan budaya atau sosiobudaya dalam kalangan masyarakat Boyan memperlihatkan sistem kebudayaan dan organisasi yang bersifat jaringan komuniti. Hal ini dikatakan demikian kerana budaya masyarakat Boyan digerakkan berpandukan amalan gaya hidup yang menjadi kebiasaan kelompok masyarakat Boyan dalam menguruskan kehidupannya. Pengekalan budaya yang dibawa dan diwarisi oleh nenek moyang dalam kalangan masyarakat Boyan memperlihatkan keteguhan dan ketegasan masyarakat Boyan untuk berpegang dengan budaya asal mereka. Penubuhan persatuan-persatuan Boyan memperkuat lagi jaringan komuniti mereka. Keutuhan jaringan komuniti yang baik memperjelaskan lagi kemestian budaya masyarakat Boyan itu dikekalkan.

Berdasarkan kajian lapangan yang telah dijalankan, persekitaran kehidupan yang dikelilingi oleh masyarakat Melayu tidak menghalang masyarakat Boyan untuk terus mengamalkan budaya mereka. Masyarakat Boyan di Semenyih, Selangor mampu mengekalkan dan mempertahankan sosiobudaya mereka meskipun berada dalam persekitaran kehidupan masyarakat Melayu. Hal ini disokong oleh informan temubual yang menyatakan masyarakat Boyan beranggapan bahawa kepelbagaian budaya dalam sesebuah kawasan mendorong masyarakat agar lebih bersifat terbuka untuk berkongsi budaya mereka dengan masyarakat lain. Kehidupan masyarakat Boyan yang menjadi golongan perantau menyebabkan mereka perlu menghormati dan mengikut kebudayaan setempat. Hal ini adalah supaya tidak berlakunya pertembungan budaya yang mampu menggugat kebudayaan asli mereka.

Budaya masyarakat Boyan berkemungkinan mengalami perubahan ekoran daripada penerimaan dengan kebudayaan masyarakat setempat. Perubahan berlaku apabila generasi

muda yang lahir di kawasan setempat tidak lagi mengamalkan budaya asal mereka. Pengaruh persekitaran menyebabkan mereka tidak mengenali budaya asal. Keperluan menyesuaikan diri dengan budaya setempat juga menyebabkan budaya masyarakat Boyan sedikit sebanyak mengalami perubahan. Meskipun perubahan tersebut tidak ketara, tetapi hal ini menjadi kerunsingan bagi setengah pihak terhadap generasi muda. Hal ini berikutan perubahan demi perubahan yang berlaku akan menyebabkan generasi muda kehilangan identiti budaya mereka.

Masyarakat Boyan mempunyai ketegasan yang kuat untuk mempertahankan budaya mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana budaya masyarakat Boyan dan budaya masyarakat Melayu tidak memperlihatkan perbezaan yang begitu ketara sebaliknya banyak persamaan antara keduanya. Bagi masyarakat Boyan, perbezaan budaya menggalakkan mereka memperbaiki budaya lama sedia ada dan mengambil budaya baru yang lebih baik. Namun begitu, budaya sedia ada masih tetap dikekalkan. Tambahan pula, masyarakat Boyan tidak sedikitpun mengetepikan budaya mereka meskipun berada di luar kawasan tanah air sendiri. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa budaya dan identiti masyarakat Boyan tidak boleh dilepaskan sebaliknya budaya mereka tetap dipertahankan dan dikekalkan.

## **5. Rumusan dan Cadangan**

Secara keseluruhannya, berdasarkan dapatan kajian dan perbincangan yang dibincangkan, pengamalan sosiobudaya dalam kalangan masyarakat Boyan menjadi tunjang utama kepada pengekalan budaya dalam kalangan masyarakat Boyan di Semenyih, Selangor. Masyarakat Boyan yang mula bergerak maju mengesap keagungan budaya mendorong mereka untuk membawa budaya mereka kepada satu konteks peningkatan budaya yang lebih baik. Penerimaan terhadap budaya setempat sedikit sebanyak memberi pengaruh kepada budaya asal masyarakat Boyan. Namun demikian, kepelbagaian budaya dan sosiobudaya yang terdapat di Malaysia tidak menjadi penghalang kepada masyarakat Boyan untuk mengamalkan budaya mereka. Meskipun berada di dalam kelompok masyarakat Melayu, namun masyarakat Boyan tidak segan untuk memperlihatkan sosiobudaya mereka. Ketegasan yang dimiliki menyebabkan mereka kuat mempertahankan dan mengekalkan budaya yang dimiliki. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa masyarakat Boyan masih mampu mengekalkan sosiobudaya yang diwarisi meskipun berada di luar kawasan kampung halaman mereka.

Cadangan penyelidik terhadap kajian tentang etnik Boyan pada masa akan datang, penyelidik mencadangkan agar kajian baharu yang dilakukan tertumpu kepada satu bentuk budaya yang khusus sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat Boyan mempunyai kepelbagaian budaya yang tidak dapat dinilai secara kasar. Masyarakat Boyan kaya dengan budaya yang dibawa dan merangkumi pelbagai bentuk budaya misalnya makanan, pakaian, permainan dan perkahwinan. Sebagai contohnya, sekiranya terdapat kajian baharu yang ingin dijalankan berkaitan dengan budaya etnik Boyan, penyelidik boleh menyentuh tentang budaya perkahwinan masyarakat Boyan. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila bercakap tentang perkahwinan, hal ini bermula daripada merisik, melamar, meminang, bertunang, bernikah dan walimatul urus. Penyelidik bukan sahaja dapat membicarakan soal budaya, tetapi juga dapat membincangkan soal adat dan tradisi perkahwinan masyarakat Boyan seperti pakaian, hiburan dan masakan. Tambahan pula, kajian tentang masyarakat Boyan masih tidak banyak dilakukan di Malaysia. Oleh itu, penyelidik baharu boleh menyelidik dengan lebih banyak mengenainya.

Natijahnya, budaya melambangkan identiti dan budaya bagi sesuatu kelompok masyarakat. Melalui budaya, masyarakat sekeliling dapat mengenali keperbadian kelompok masyarakat tersebut. Setiap ahli dalam kelompok masyarakat berperanan untuk mengekalkan

dan mempertahankan budaya masing-masing agar budayanya tidak hilang ditelan zaman. Kemodenan budaya pada zaman kini tidak mustahil menyebabkan generasi muda akan datang tidak mengenali budaya asal mereka. Hilangnya budaya, maka hilangnya identitas dalam masyarakat tersebut. Oleh hal yang demikian, setiap isi kelompok masyarakat tersebut memainkan peranan yang penting untuk mempertahankan budaya mereka agar budaya akan terus menerus diamalkan dan diwarisi secara turun temurun.

## RUJUKAN

- Abdullah Zahid @ Mohamad Zahid Ismail. (2021). Temu Bual.
- Abdul Hafidz. (2019). Migrasi dan Filantropi Islam (Studi Kontribusi Ekonomi *Orang Boyan*. bagi Masyarakat dan Lembaga Keagamaan di Pulau Bawean, Gresik, Jawa Timur).
- Drajat Tri Kartono. (2004). Migrasi Tenaga Kerja Mancanegara: Sebuah Kasus dengan Pendekatan Sosiologi Ekonomi. *Jurnal Masyarakat dan Budaya*. 4 (1): 81-102.
- L. Ahmad Busyairy. (2018). Akulturasi Budaya dalam Upacara Kematian Masyarakat Kota Santri Kediri Lombok Barat. *Jurnal Multikultural & Multireligius* 17(2): 230-251.
- Mohd. Aris Hj. Othman. (1986). Kedatangan Kelompok-Kelompok Etnik Indonesia ke Tanah Melayu dan Penyesuaian Mereka ke dalam Masyarakat dan Budaya Melayu. *Sari* 4 (2): 83-95.
- Muhammad Ihwanus Sholik et. al. (2016). Merantau sebagai Budaya (Eksplorasi Sistem Sosial Masyarakat Pulau Bawean). *Jurnal Cakrawala*. 10 (2): 143-153.
- Muhammad Ridhwan Sarifin & Mohamad Fauzi Sukimi. (2016). Serupa tapi Berbeza: Kajian Kes Komuniti Bawean Kampung Sungai Tiram, Johor Malaysia. *Malaysia Journal of Society and Space*. 12 (5): 1-10.
- Muhammad Ridhwan Sarifin & Mohamad Fauzi Sukimi dalam Rahimah Abdul Aziz, Mohamad Fauzi Sukimi & Nur Hafizah Yusoff (pnyt.). (2018). Bab 10: Budaya dan Identiti dalam Kalangan Orang Bawean Malaysia. *Malaysia: Pembangunan Negara & Kerencaman Isu Sosial*. Penerbit: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noriati A. Rashid. (2005). Nilai Kesantunan dalam Konteks Sosiobudaya Masyarakat Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu* (15): 232-253.
- Rap'aya Misonip. (2021). Temu Bual.
- Rosfazila Abd Rahman. (2019). Kesepaduan Sosiobudaya dalam Kepelbagaian Masyarakat Majmuk. *Jauhar* 3(1): 44-50. KUIS.
- Rosidin. (2015). Nilai-Nilai Kerukunan dalam Kearifan Lokal Masyarakat Bawean Gresik. *Jurnal "Al-Qalam"*. 21 (1).
- Shahliza Dasuki et al. (2015). Perkembangan Budaya Populer dan Perubahan Sosio-Budaya Masyarakat Pasca Moden: Adaptasi Budaya Asing dalam Perkahwinan Melayu.
- Shamsudin Othman, Azhar Md Sabit & Ghazali Lateh. (2015). Pemikiran Akal Budi dan Sosiobudaya Melayu dalam Pendidikan Kesusasteraan Melayu. *International Journal of Education and Training (InjET)*. 1(2): 1-10.
- Shohana Hussin. (2017). Ilmu dan Naratif Sakral dalam Masyarakat Bawean di Pulau Pinang.
- Siti Aminah binti Mohd Sam dan Seow Ta Wee. (2013). Kelestarian Pembangunan Sosiobudaya Komuniti Orang Asli.
- Siti Khariah Mohd Zubir. (2013). Implikasi Merantau terhadap Perkembangan Sosiobudaya Orang Melayu dalam Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik. *Jurnal Peradaban Melayu*. 31-44.